

SIRI TANAH AIRKU

**PULAU PINANG
PULAU MUTIARA**

oleh Suraya



H PENERBITAN HARTAMAS

PENERBITAN HARTAMAS
23, Jalan 3/57B, Off Jalan Segambut Bawah,
Segambut,
52100 Kuala Lumpur.

© PENERBITAN HARTAMAS
Cetakan pertama 1995.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Suraya

Pulau Pinang (Pulau Mutiara) / Suraya,

(Siri tanah air ku)

ISBN 983-034-063-5 (set).

ISBN 983-034-068-6

1. Pulau Pinang - - History. 2. Pulau Pinang - - Economic conditions. 3. Pulau Pinang - - Social conditions.

4. Pulau Pinang - - Social life and customs. 5. Pulau Pinang - - Description and travel. I. Judul. II. Siri.
959.5113

APB 740416

959.5113
03 MAY 1996

MASKHAR PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

SUR

HAKCIPTA TERPELIHARA. Tiada bahagian buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran, ditukarkan ke dalam apa bentuk sekalipun, samada secara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman ataupun sebaliknya, tanpa izin terlebih dahulu dari PENERBITAN HARTAMAS.

Dicetak di Malaysia oleh: Cetaktama Sdn. Bhd.
B4-09 K. L. Industrial Park, # 653, 5th. Mile Klang Road,
58200 Kuala Lumpur.

PRAKATA

‘Siri Tanah Airku’ memberi maklumat terperinci tentang setiap buah negeri di Malaysia. Siri ini sesuai sebagai sumber rujukan tambahan para pelajar Tahap Dua sekolah rendah dan sekolah menengah rendah untuk mata pelajaran **Kajian Tempatan**.

Maklumat-maklumat disusun bermula daripada:

- Profil Umum dan Kedudukan Fizikal
- Lintasan Sejarah
- Kegiatan Ekonomi dan Pentadbiran
- Keindahan Negeri
- Ciri-ciri Seni Budaya

Setiap negeri disertakan dengan gelaran masing-masing, manakala tajuk Malaysia menyimpulkan maklumat bagi semua negeri secara menyeluruh.

Kami berkeyakinan buku ini dapat memberi manfaat dan pengetahuan tambahan kepada generasi muda untuk mengenali negeri-negeri dan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum secara lebih dekat.

Selamat membaca!

PENERBIT

Bendera Negeri Pulau Pinang Pulau Mutiara



Warna biru muda maksudnya warna laut yang indah di sekeliling pulau itu. Warna putih maksudnya Negeri Pulau Pinang yang aman damai. Warna kuning tanda kemakmuran. Pohon pinang ialah pohon dari mana pulau itu mendapat namanya.

Lambang Negeri Pulau Pinang Pulau Mutiara



Pohon pinang ialah asal nama pulau itu. Petak yang berwarna kuning mengandungi gambar Jambatan Besar Pulau Pinang yang mempunyai dua (2) tiang dan empat (4) kebel yang menegakkan tiang tersebut. Dua (2) tiang ini melambangkan Serampang Dua Mata di dalam Dasar Ekonomi Baru iaitu pembasmiaran kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat. Empat (4) kebel pula menggambarkan empat (4) jenis keturunan rakyat di negeri ini, iaitu Melayu, Cina, India dan lain-lain.

Jalur-jalur biru dan putih yang menjadi simbol lautan berjumlah lima (5) tiap-tiap satu warna yang memberi makna simbol lima prinsip Rukunegara dan lima daerah pentadbiran yang terdapat di Pulau Pinang.

Profil Umum dan Kedudukan Fizikal



Negeri Pulau Pinang adalah sebuah negeri yang terkenal di Semenanjung Malaysia. Ini adalah kerana Pulau Pinang mempunyai sebuah pelabuhan yang dianggap terbaik di rantau ini serta mempunyai kedudukan yang strategik.

Pulau Pinang terbahagi kepada dua bahagian iaitu Pulau Pinang dan Seberang Prai yang terletak di Tanah Besar Semenanjung. Seberang Prai bersempadan dengan negeri Kedah di sebelah utara dan timur, manakala bahagian selatan pula bersempadan dengan negeri Perak. Pulau Pinang dan Seberang Prai dipisahkan oleh Selat Melaka. Untuk menyeberangi Pulau Pinang dari Tanah Besar, Jambatan Pulau Pinang dibuka dengan rasmi pada 14 September 1985. Selain menggunakan jambatan, masih ramai lagi yang memilih untuk menggunakan feri Pulau Pinang. Pihak Pelabuhan Pulau Pinang menyediakan perkhidmatan

feri bagi penumpang-penumpang dan kenderaan bermotor selama 24 jam.

Terdapat banyak tempat bersejarah dan kawasan-kawasan pelancongan di Pulau Pinang. Pantai-pantai yang terkenal di negeri ini adalah Tanjung Bungah, Batu Feringgi dan Teluk Bahang. Tempat-tempat menarik yang lain termasuk Bukit Bendera (*Penang Hill*), Taman Botanikal, Kuil Ular dan Wat Chayamangkalaram.

Pulau Pinang mempunyai keluasan lebih kurang 285 kilometer persegi manakala Seberang Prai pula mempunyai keluasan 759 kilometer persegi. Negeri Pulau Pinang merupakan salah sebuah negeri perindustrian yang terbesar di Malaysia. Kawasan perusahaan yang terpenting terletak di Mak Mandin, Prai dan Bayan Lepas. Pembinaan kilang-kilang telah memberi peluang pekerjaan yang banyak, bukan sahaja kepada penduduk tempatan, malahan juga kepada penduduk yang datang dari luar negeri ini.





Walaupun negeri ini terlalu kecil untuk sektor pertanian, terdapat juga kawasan penanaman padi secara sederhana di Seberang Prai.

Pulau Pinang juga terkenal dengan pokok pala. Pokok pala ini banyak ditanam disepanjang jalan dari Teluk Bahang hingga ke Balik Pulau. Buah pala Pulau Pinang amat terkenal kerana mutu yang baik dan rasa yang lazat. Buah-buah yang telah dijeruk dapat dibeli di gerai-gerai sekitar negeri Pulau Pinang.

Pulau Pinang terkenal dengan pusat-pusat pengajian tinggi. Antaranya adalah Universiti Sains Malaysia (USM), Maktab Perguruan Pulau Pinang dan Maktab Perguruan Seri Pinang. Sekolah menengah yang tertua di Malaysia iaitu *Penang Free School* juga terdapat di sini. Selain itu terdapat sebuah pusat penyelidikan yang terkemuka iaitu Pusat Penyelidikan Matematik dan Sains Asia Tenggara.

Pulau Jerjak yang merupakan kawasan tahanan khas bagi penjenayah-penjenayah suatu ketika dahulu terletak di perairan Pulau Pinang. Pada hari ini pusat tahanan di Pulau Pinang telah ditutup dan dipindahkan ke Johor.

Pulau Pinang merupakan sebuah negeri yang maju dan mempunyai sistem perhubungan jalan raya yang baik, pengangkutan laut dan juga pengangkutan udara yang serba lengkap. Jambatan Pulau Pinang sepanjang 13.5 kilometer itu merupakan jambatan yang terpanjang di Asia dan ketiga terpanjang di dunia menjadi kebanggaan penduduk tempatan dan rakyat Malaysia.

Pelabuhan Pulau Pinang pula merupakan pelabuhan yang kedua besar di Malaysia. Sejak pelabuhan ini dibuka



Penduduk Pulau Pinang seperti juga negeri-negeri lain terdiri daripada berbilang kaum dan agama. Majoriti penduduk Pulau Pinang ialah orang Cina, sementara bilangan orang Melayu mengatasi penduduk lain di Tanah Besar Seberang Prai.

Satu mercu tanda yang menjadi kebanggaan penduduk negeri ini ialah Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR) yang merupakan bangunan yang tertinggi di Asia Tenggara. Bangunan ini dapat dilihat dengan jelas dari Seberang Prai.

Pulau Pinang kini merupakan antara negeri yang termaju di Malaysia. Negeri ini juga menjadi tempat tumpuan pelancong yang ingin mengimbau kembali sejarah silam negeri ini di samping menikmati keindahan alam semula jadi yang unik di Pulau Pinang.


Pulau Pinang pada mulanya merupakan sebuah pulau kecil yang hanya di-



Lintasan Sejarah



diami oleh sebilangan kecil orang Melayu. Pada masa itu mata pencarian utama yang dijalankan di negeri ini ialah sebagai petani dan nelayan. Pulau Pinang ketika itu menjadi hak mutlak negeri Kedah. Sebelum kedatangan Kapten Francis Light pada tahun 1786, orang Barat yang pertama menjelaki pulau ini adalah sekumpulan 25 orang Inggeris yang diketuai oleh James Lancaster. Mereka mendarat di Pulau Pinang pada bulan Jun 1592.



Apabila Kapten Francis Light tiba di Pulau Pinang pada tahun 1786, beliau telah dilantik oleh Syarikat Hindia Timur Inggeris untuk membuka Pulau Pinang dengan persetujuan Sultan Kedah. Sebenarnya ketika itu telah pun ada tanah seluas 1200 ekar yang dibuka dan

diduduki oleh orang Melayu. Kawasan perkampungan tersebut ialah Kampung

Datuk Keramat yang terletak di selatan Sungai Pinang. Nama kampung tersebut diambil sempena nama Datuk Keramat. Kubur Datuk Keramat yang terletak di kampung itu pada masa dahulu menjadi tumpuan beberapa golongan masyarakat yang percaya kepada kuasa keramat.

Mengikut buku pendaftaran tanah Pulau Pinang tahun 1795, Kampung Datuk Keramat telah didiami oleh orang Melayu pada tahun 1705. Seorang lagi orang Melayu yang terkenal di Pulau Pinang sebelum kedatangan Francis Light adalah Maharaja Setia.

Kedatangan Francis Light ke Pulau Pinang adalah atas tujuan perdagangan. Sejak tahun 1685, Syarikat Hindia Timur Inggeris telah berusaha mencari tempat yang baik dan sesuai di Selat Melaka untuk dijadikan pelabuhan. Kebetulan pada tahun 1771 Kapten Francis Light pernah menjalankan perniagaan di Kedah. Ini memberi peluang kepadanya untuk





berbaik-baik dengan Sultan Kedah.

Kesempatan itu juga digunakan untuk menyatakan hasrat beliau mencari tempat yang sesuai di negeri Kedah untuk mendirikan tapak perniagaan Syarikat Hindia Timur Inggeris. Kapten Francis Light berjanji jika tempat yang dikehendaki oleh Inggeris itu diizinkan oleh Sultan Kedah, pihak Inggeris akan membantu Kedah apabila diserang oleh musuh.

Pada mulanya cadangan Kapten Francis Light tidak dipersetujui oleh pihak Syarikat Hindia Timur Inggeris yang bertempat di India. Walau bagaimanapun, seorang pegawai Inggeris telah dihantar untuk membincangkan cadangan tersebut dengan Sultan Kedah.

Bagaimanapun permintaan Inggeris itu telah ditolak oleh Sultan Kedah. Ini kerana pihak Inggeris tidak sanggup memenuhi permintaan Sultan Kedah

untuk memberi pertolongan ketika menentang musuh-musuhnya pada masa itu.

Kapten Francis Light telah memujuk Sultan Kedah sekali lagi supaya membenarkan Syarikat Hindia Timur Inggeris menduduki Pulau Pinang serta mendirikan loji. Kapten Francis Light telah dilantik oleh pihak Inggeris untuk mengetuai angkatan Syarikat Hindia Timur Inggeris bersama 130 orang askar, 15 orang anggota pasukan meriam dan lima orang pegawai perang untuk menandatangani suatu perjanjian dengan Sultan Kedah. Sultan Kedah kemudian telah bersetuju membenarkan Inggeris menduduki Pulau Pinang dan menandatangani perjanjian tersebut. Isi perjanjian itu menyebut:

1. Pihak Inggeris akan menjaga laut dari pada musuh-musuh Sultan Kedah dan perbelanjaan mengenai kawalan itu ditanggung oleh pihak Inggeris. Pihak Inggeris akan sentiasa menyediakan sebuah kapal perang bagi men-





jaga pantai Pulau Pinang dan pantai negeri Kedah yang berhampiran dengan Pulau Pinang.

2. Semua kapal dan tongkang yang datang ke pelabuhan Kedah tidak boleh diganggu oleh pihak Inggeris dan mereka bebas bermiaga dengan pihak Sultan Kedah atau dengan Syarikat Hindia Timur Inggeris.
3. Sekiranya membatalkan suatu larangan yang telah sedia ada, pihak Inggeris hendaklah membayar 30000 mata wang Sepanyol kepada Sultan Kedah pada tiap-tiap tahun.
4. Sebarang keuntungan yang diberi oleh pihak Inggeris kepada Sultan Kedah dan menteri-menteri tidak boleh dituntut balik.
5. Semua musuh Kedah adalah menjadi musuh Inggeris.
6. Sultan Kedah berhak meminta pertolongan askar dan senjata daripada Inggeris jika Kedah diserang musuh. Syarat-syarat ini akan disampaikan kepada Syarikat Hindia Timur

Inggeris di India dan apabila disahkan barulah bantuan itu diberi.

Daripada isi perjanjian tersebut, dapatlah kita lihat beberapa kelemahan terutamanya perihal bantuan Inggeris kepada Sultan Kedah. Perjanjian ini tidak dinyatakan dengan jelas tentang janji Kapten Francis Light dengan Sultan Kedah iaitu pihak Inggeris akan menolong Kedah menentang musuh-musuh yang menyerang negeri ini. Kapten Francis Light hanya berjanji secara lisan sahaja, bahawa beliau akan menyampaikan permintaan Sultan Kedah kepada pihak Syarikat Hindia Timur Inggeris.

Setelah perjanjian tersebut selesai ditandatangani, Kapten Francis Light kemudian mendarat di Pulau Pinang pada 17 Julai



Kota Bharu Valley





1786. Beliau mendarat di sebuah kawasan yang dipanggil Tanjung Penaga dan kemudiannya dinamakan Fort Cornwallis. Bagi orang tempatan tempat bersejarah ini tetap dipanggil Tanjung.

Pada 10 Ogos 1786 dua buah kapal Syarikat Hindia Timur Inggeris bernama *Valentine* dan *Vansihart* telah berlabuh di Pulau Pinang pada 11 Ogos 1786. Bendera *Union Jack* telah dinaikkan dan Pulau Pinang diberi nama baru iaitu Pulau *Prince of Wales*. Nama ini diambil bersempena dengan ulang tahun Prince of Wales yang jatuh pada hari yang berikutnya. Bandar yang dibuka oleh Inggeris pada hari itu dinamakan *Georgetown*. Nama ini dipilih oleh Kapten Francis Light sendiri kerana memberi penghormatan kepada Raja England pada masa itu, iaitu King George III.

Bermula dari saat itu Pulau Pinang telah menjadi jajahan Inggeris bawah pemerintahan Gabenor Inggeris di

Benggala, India. Dari semasa ke semasa pulau ini semakin bertambah maju dan di dalam tempoh tiga tahun sahaja penduduk Pulau Pinang telah meningkat menjadi kira-kira 10 000 orang.

Di sebalik kemajuan Pulau Pinang, pihak Inggeris tidak pernah memenuhi janjinya kepada Sultan Kedah. Wang yang ditentukan untuk membayar sewa kerana menduduki Pulau Pinang tidak dibayar seperti yang dijanjikan. Sebaliknya bermacam alasan diberi. Jumlah wang yang dibayar tidak menepati syarat, tetapi mengikut jumlah yang ditentukan oleh Kapten Francis Light sahaja.

Ini telah menimbulkan kemurkaan Sultan Kedah terutama apabila pihak Inggeris enggan memberi bantuan ketenteraan seperti yang dijanjikan apabila menghadapi serangan Siam.

Keengganan Inggeris untuk memberi bantuan seolah-olah sengaja dirancang





dengan tujuan Siam dapat menakluki negeri Kedah.

Pada tahun 1790 Sultan Kedah telah bertekad untuk menghalau Inggeris dari Pulau Pinang. Bagaimanapun Kapten Francis Light sekali lagi telah berjaya memujuk Sultan Kedah dengan memberi wang sebanyak 10 000 ringgit dan berjanji akan mengirim surat kepada Gabenor Jeneral Inggeris di Calcutta untuk menuhi permintaan Sultan Kedah.

Kesabaran Sultan Kedah telah berkali-kali tercabar akibat pembohongan Inggeris. Pihak Inggeris juga telah mengatur rancangan yang strategik serta memperkuatkan pertahanannya untuk menghadapi serangan Kedah. Oleh kerana pihak Inggeris tidak pernah menunaikan janjinya, pada awal tahun 1719 Sultan Kedah telah melengkapkan angkatan perang untuk menyerang Inggeris di Pulau Pinang. Walaupun telah bersedia untuk menghadapi serangan

Kedah, Kapten Francis Light cuba memujuk Sultan dengan memberikan wang sebanyak 5000 ringgit. Pemberian wang ini ditolak oleh Sultan Kedah. Akibat penolakan tersebut berlakulah perang antara Inggeris dengan Kedah. Akhirnya Kedah tewas di tangan Inggeris. Sememangnya itulah yang dirancang oleh Inggeris selama ini.

Perdamaian antara Kedah dengan Inggeris telah diadakan melalui perjanjian yang ditandatangani pada 1 Mei 1791. Mulai dari saat itu Pulau Pinang telah diserahkan kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris. Sultan Kedah akan menerima sebanyak 6000 ringgit setiap tahun.

Kapten Francis Light telah meninggal dunia pada tahun 1794. Tempat beliau diganti oleh pegawai Inggeris iaitu Mejar Mac Donald. Pengganti Mejar Mac Donald ialah Sir George Leith. Beliau memegang jawatan ini pada tahun 1800. Serentak dengan itu jawatan Residen





dimansuhkan dan sebagai ganti jawatan Leftenan Gabenor diperkenalkan. Leftenan Gabenor Pulau Pinang yang pertama ialah Sir George Leith.

Pada tahun 1805, Pulau Pinang dinaikkan daripada taraf residensi kepada taraf presidensi keempat. Perubahan taraf ini meletakkan Pulau Pinang setaraf dengan Bombay, Madras dan Bengala. Pentadbiran Pulau Pinang terletak di bawah pengawasan Gabenor Jeneral atau Kerajaan Inggeris Tertinggi di India.

Antara tahun 1819 hingga 1823, Singapura ditadbirkan oleh pentadbiran Inggeris di Bangkahulu. Pembukaan Singapura telah memberi saingen kepada kepesatan kemajuan Pulau Pinang. Kepentingan Pulau Pinang sebagai sebuah pelabuhan perdagangan antarabangsa semakin merosot.

Pada tahun 1826, Singapura dan Melaka disatukan menjadi daerah jajahan

Inggeris yang dinamakan Negeri-negeri Selat. Pusat pentadbiran Negeri-negeri Selat bertempat di Pulau Pinang. Bagaimanapun Pulau Pinang tidak semaju seperti yang diinginkan. Pada tahun 1832 pentadbiran Negeri-negeri Selat telah dipindahkan ke Singapura.

Pada tahun 1858, Syarikat Hindia Timur Inggeris menyerahkan kuasa sepenuhnya kepada Kerajaan Inggeris. Negeri-negeri Selat kini terletak bawah pentadbiran Kerajaan Inggeris di India dan pada 1867 diserahkan terus kepada Kerajaan Inggeris di England.

Tanah Besar Seberang Prai pula, telah diserahkan kepada Inggeris pada 6 Jun 1800 ketika Sir George Leith menjadi Penolong Gabenor Pulau Pinang.

Pada mulanya kawasan Seberang Prai yang diserahkan oleh Sultan Kedah kepada Inggeris ialah kawasan tanah yang setentang dengan Pulau Pinang iaitu





dari Kuala Muda hingga Kuala Krian. Inggeris bersetuju untuk membayar 10000 ringgit kepada Sultan Kedah setiap tahun selagi ada orang Inggeris yang tinggal di Pulau Pinang dan Seberang Prai. Kawasan Seberang Prai diberi nama *Province Wellesley* sempena nama *Alther Wellesy*, iaitu *Duke of Wellington*, panglima perang yang mengalahkan Napoleon Bonaparte pada tahun 1815.

Sifat tamak Inggeris yang sentiasa mahukan keuntungan itu telah membuatkan mereka bekerjasama dengan pihak Siam. Pada masa itu, kuasa Siam adalah amat kuat terhadap Kedah. Pihak Inggeris telah membuat perjanjian dengan Siam yang menyebut bahawa Tanah Besar Seberang Prai ditambah sekali ganda lagi. Ini bermakna keluasan Tanah Besar Seberang Prai adalah dari tebing kanan Sungai Muda hingga ke tebing kanan Sungai Krian.

Dalam perjanjian antara Kerajaan

Perak dengan Inggeris yang dikenali sebagai Perjanjian Pangkor, Kerajaan Inggeris telah mendapat kuasa ke atas tanah di sebelah selatan Sungai Krian. Kawasan seluas 25 batu persegi itu telah dimasukkan dalam kawasan Seberang Prai. Dengan itu kawasan Seberang Prai menjadi 228 batu persegi.

Semasa Perang Dunia Kedua, Tanah Melayu telah ditawan oleh tentera Jepun. Pulau Pinang jatuh ke tangan Jepun pada bulan Disember 1941. Ini memaksa pihak Inggeris berundur, dari pulau tersebut. Setelah tentera Jepun berundur Kerajaan Inggeris kembali memerintah dan Pulau Pinang kembali semula menjadi jajahan takluk British. Corak pemerintahan negeri ini mulai berubah apabila Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan pada 1 Februari 1948.

Pada 31 Ogos 1957 Pulau Pinang menjadi anggota Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. Apabila Malaysia



Seberang Prai Selatan pula terdapat pekan-pekan Nibong Tebal, Jawi, Sungai Bagan, Simpang Empat, Permatang Tok Mat dan Permatang Keling.

Bandar Georgetown merupakan ibu negeri bagi negeri Pulau Pinang. Di sini terletak pusat pentadbiran negeri dan pelabuhan yang terkenal. Bangunan KOMTAR yang terletak di ibu negeri Pulau Pinang ini menjadi pusat pentadbiran negeri. Pejabat Ketua Menteri terletak di sini juga.

Negeri Pulau Pinang diketuai oleh Yang Dipertua Negeri sebagai Ketua Negeri manakala Ketua Kerajaan Negeri adalah Ketua Menteri. Di bawah naungan beliau terdapat tidak kurang daripada empat dan tidak lebih daripada lapan Ahli Majlis Tertinggi Negeri.

Kemajuan serta pentadbiran negeri ini telah menjadi tanggungjawab bersama jabatan-jabatan kerajaan serta agensi-





agensi seperti Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, (*Penang Development Authority*) (PERDA). PERDA ditubuhkan untuk membangunkan kawasan luar bandar dan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk melaksanakan projek-projek pembangunan.

Lebih kurang enam puluh lima peratus daripada kawasan negeri Pulau Pinang terletak di bawah pengawasan PERDA. Objektif utama yang dimainkan oleh PERDA adalah untuk menolong penduduk luar bandar meningkatkan taraf ekonomi melalui projek-projek pertanian dan penternakan. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM34 juta kepada PERDA dan RM31.5 juta bagi tujuan pembangunan dan kemajuan. PERDA juga bekerjasama dengan MARDI (*Malaysian Agricultural Research and Development Institute*) untuk melaksanakan beberapa projek pertanian seperti penanaman asparagus, cendawan, jagung, betik dan sayur-sayuran.

Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang pula telah ditubuhkan pada 17 November 1969. Perbadanan ini bertindak sebagai serampang dua mata dalam melaksanakan kemajuan ekonomi, terutamanya bidang pentadbiran, industri, perdagangan, pelancongan dan sektor pemulihian seja jar dengan Dasar Ekonomi Baru. Untuk memastikan program-program kemajuan ini berjalan lancar, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telah menggariskan beberapa objektif untuk dilaksanakan. Antaranya ialah:

1. Mewujudkan peluang-peluang kerjaan yang mencukupi untuk pengurangan kadar pengangguran dan seterusnya menggunakan sepenuh tenaga buruh bagi negeri ini.
2. Meluaskan peluang mendapat pendapatan kepada golongan yang berpendapatan rendah dengan cara meningkatkan produktiviti dan membuka lebih banyak peluang ekonomi.
3. Mengurangkan jurang perbezaan





dalam pendapatan yang diterima oleh satu-satu suku kaum.

4. Meningkatkan proses pemodenan di kawasan-kawasan luar bandar termasuk memberi kemudahan awam, membekalkan perkhidmatan sosial dan infrastruktur termasuk pembinaan kawasan-kawasan perumahan.
5. Mewujudkan masyarakat Melayu dan Orang Asli yang aktif dalam bidang industri dan perdagangan.

Berdasarkan objektif di atas, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telah bertindak menubuhkan kawasan-kawasan perindustrian, bandar-bandar baru, menggalakkan sektor pelancongan, pelaburan dan merancang kemajuan bagi negeri Pulau Pinang seluruhnya.

Lapan buah kawasan perindustrian telah dimajukan dan empat daripada kawasan adalah kawasan perdagangan bebas. Kesemua kawasan ini dilengkapi dengan sistem infrastruktur yang baik.


Untuk menggalakkan golongan Bumiputera turut mengambil bahagian dalam sektor perindustrian, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telah turut melabur dalam anak-anak syarikat bersekutu dan syarikat awam milik perbadanan ini.

Pembangunan bandar-bandar baru telah mencapai kejayaan. Hasilnya Bandar Bayan Baru di Pulau Pinang dan Bandar Seberang Jaya di Seberang Prai kini pesat membangun dan merupakan kawasan perindustrian termaju di negeri Pulau Pinang.



Keindahan Pulau Pinang

Keindahan Pulau Pinang telah terkenal bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di luar negara. Laut dan pantai yang mengelilingi negeri pulau ini sentiasa tenang dan mempunyai keindahan alam semula jadi yang menjadi tarikan para pelancong.



Keindahan alam semula jadi serta bangunan-bangunan ala-kolonial menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri yang mempunyai ciri-ciri sejarah dan pemondenan yang seiring. Bangunan-bangunan tinggi berdiri megah di kawasan bandar ibu negeri ini.

• Georgetown

Bandar Georgetown ialah ibu negeri Pulau Pinang yang telah berusia lebih daripada dua abad ini merupakan yang kedua terbesar di Malaysia. Kini pelabuhan Pulau Pinang menjadi pelabuhan kedua terbesar di Malaysia selepas Pelabuhan Klang di Selangor Darul Ehsan.

Sebagai pusat pentadbiran negeri dan pelabuhan penting, bandar ini sentiasa sibuk. Bangunan tertinggi di bandar ini ialah Kompleks Tun Razak

(KOMTAR). Bangunan ini merupakan bangunan yang tertinggi di Asia Tenggara.

Di samping bangunan-bangunan tinggi, terdapat juga bangunan-bangunan lama yang masih kukuh dan menggambarkan unsur-unsur penjajahan British dan budaya Barat yang terdapat di bandar ini selama kira-kira dua abad yang lalu.


Kebanyakan daripada bangunan hotel di bandar ini terletak di tepi pantai.

• Bukit Bendera

Bukit Bendera merupakan salah sebuah tempat peranginan yang istimewa kerana kedudukan bukit ini di tengah-tengah pulau. Bukit Bendera adalah salah sebuah bukit yang tertinggi di Pulau Pinang iaitu setinggi 692 meter.

Jika ke Pulau Pinang, jangan lepaskan peluang untuk menikmati pemandangan indah di Bukit Bendera. Dari puncak bukit





anda akan dapat menyaksikan panorama yang sungguh mengagumkan. Para pengunjung juga akan dapat melihat kapal-kapal di Pelabuhan Pulau Pinang dan Bandar Georgetown. Dengan menaiki kereta api yang berlepas dari stesen di kaki bukit ini, para pengunjung akan dibawa melawat pemandangan yang indah di sekitar pulau ini. Di jauh kelihatan hamparan pasir putih di pesisiran pantai. Para pengunjung dapat melihat kampung nelayan yang damai dan bangunan-bangunan di sekitar bandar raya. Perkhidmatan kereta api ada disediakan. Udara di Bukit Bendera sungguh nyaman, sejuk serta menyegarkan.

• Taman Rekreasi Rimba, Teluk Bahang


Bagi yang ingin mengembara, terdapat beberapa buah kawasan hutan rekreatif di

Pulau Pinang seperti di Teluk Bahang, Sungai Tukun dan Keracut.

Taman Rekreasi Teluk Bahang mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Kawasan hutan ini mengandungi spesies-spesies tumbuhan seperti paku-pakis, bunga-bungaan dan lain-lain lagi. Di samping itu terdapat juga berbagai-bagai jenis spesies serangga, burung, rama-rama, ular dan sebagainya.



Di hutan rekreasi ini juga terdapat sebuah muzium yang mempamerkan barang-barang atau contoh-contoh





penerangan tentang hutan.



• Tokong Ular

Tokong Ular dibuka pada tahun 1850. Tokong ini dibina untuk memperingati seorang sami Buddha bernama Chor Soo Kong. Sami Buddha tersebut dikatakan mempunyai kelebihan untuk mengubati berbagai-bagai penyakit.

Di tokong ini terdapat berbagai-bagai jenis ular berbisa yang melingkar di celah-celah pokok, pasu bunga dan di merata-rata kawasan kecil. Ular-ular di sini agak luar biasa kerana ular-ular itu jinak. Pengunjung-pengunjung yang datang berkunjung di sini boleh bermain-main dengan ular-ular tersebut.


• Tokong-tokong atau Kuil

Selain Tokong Ular, di negeri Pulau Pinang terdapat beberapa buah tokong atau kuil yang unik. Tokong-tokong ini biasanya menjadi tumpuan para pelancong terutama yang beragama Buddha.



• Kuil Kek Lok Si

Kuil ini merupakan kuil yang terindah di Asia Tenggara. Kuil setinggi tujuh tingkat ini mempunyai ketinggian 30 meter. Kuil ini mempunyai bentuk pagoda yang luar biasa. Bahagian bawah kuil ini berbentuk pagoda China, bahagian tengah berupa pagoda Siam, manakala kubah pula adalah berupa pagoda Burma.



Kuil Kek Lok Si




• Kuil Sri Maniaman

Kuil ini dibina pada tahun 1883. Kuil ini dipenuhi oleh ukiran patung-patung Hindu. Antara patung yang paling isti-



Kuil Sri
Subramaniam



Wat
Chayamangkalarum



Wat yang berukuran 33 meter panjang. Patung ini merupakan patung Buddha yang ketiga terbesar di dunia.

mewa adalah patung Dewa Subramaniam yang dihiasi dengan emas, perak dan batu-batu permata. Patung ini digunakan semasa perarakan Hari Thaipusam yang diadakan pada bulan Januari setiap tahun.


• **Wat Chayamangkalarum**

Wat ini pula merupakan kuil Buddha. Di dalam wat ini terdapat patung Buddha dalam keadaan berbaring yang menghiasi ruang tengah kuil.

• **Kuil Kuan Yin Teng**

Kuil ini dipercayai telah dibina pada tahun 1800 dan merupakan kuil yang tertua di

Pulau Pinang. Walaupun bangunan kuil ini agak sederhana, tetapi sentiasa mendapat kunjungan penganut-penganut agama Buddha. Kuil ini dianggap sebagai kuil Dewi Pengampunan.



• Taman Rama-rama

Taman Rama-rama terletak di Teluk Bahang kira-kira 20 kilometer dari bandar Georgetown. Taman rama-rama ini merupakan yang terbesar di dunia. Di sekitar taman ini terdapat lebih dari pada 100 jenis rama-rama dan bilangan rama-rama itu adalah antara 4000 hingga 5000 ekor yang sentiasa berterbangan.



Untuk membiakkan rama-rama yang dipelihara, taman ini ditanam dengan pelbagai jenis pokok bunga dan tanaman liar.



Pokok-pokok ini menjadi tempat rama-rama mencari madu dan bertelur. Sebuah kolam teratai dan air terjun buatan dibina untuk lebih mengindahkan lagi taman ini. Selain itu terdapat juga bilik pameran yang memberi segala maklumat tentang kehidupan rama-rama di taman ini. Taman ini dibuka pada setiap hari dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang untuk orang ramai dan bayaran yang dikenakan adalah RM2 bagi orang dewasa dan RM1 bagi kanak-kanak.

• Taman Burung Pulau Pinang

Taman Burung Pulau Pinang (*Penang Bird Park*) ini terletak di kawasan seluas lima ekar. Lanskapnya dibina dengan begitu menarik sekali dan terdapat lebih daripada 200 spesies burung. Taman ini juga dihiasi dengan berjenis-jenis bunga orkid dan bunga raya. Bayaran sebanyak RM2 dikenakan bagi orang dewasa dan RM1

bagi kanak-kanak. Taman ini dibuka pada setiap hari dari jam 10.00 pagi hingga 6.00 petang.

• **Taman Botanikal**

Taman Botanikal adalah sebuah taman yang meliputi kawasan seluas 30 hektar. Taman ini terletak lebih kurang lima kilometer dari pusat bandar. Terdapat sebuah air terjun yang cantik di sini. Apa yang lebih unik, di taman ini terdapat banyak monyet yang jinak dibebaskan begitu sahaja.



• **Pemandangan-pemandangan**

Menarik yang Lain

Selain itu terdapat banyak lagi pemandangan yang menarik sekitar Pulau Pinang. Selain Jambatan Pulau Pinang yang menjadi kemegahan penduduk negeri ini dan juga bangunan tertinggi di





Ciri-ciri Budaya



Malaysia iaitu KOMTAR, terdapat beberapa mercu tanda yang indah di Pulau Pinang. Muzium Pulau Pinang dan Galeri Seni telah dibina pada

tahun 1821. Gereja St. George pula dibina pada tahun 1818 merupakan mercu tanda tertua di negeri ini. Bangunan masjid negeri yang tersergam indah menjadi kebanggaan penduduk Islam di sini. Keindahan dan kemakmuran Pulau Pinang telah membuat Pulau Pinang digelar sebagai Pulau Mutiara Timur oleh orang Barat.

Pulau Pinang merupakan sebuah negeri yang mempunyai ciri-ciri budaya tersendiri yang tidak terdapat di negeri-negeri lain di Malaysia. Ciri-ciri budaya ini telah menjadi satu identiti masyarakat Pulau Pinang yang berbilang kaum dan agama. Bahasa daerah digunakan oleh orang Melayu di Pulau Pinang. Ada kalanya kita akan ter-

dengar orang bukan Melayu bercakap bahasa Melayu menggunakan dialek Pulau Pinang.

Terdapat ramai golongan India Muslim di Pulau Pinang. Kaum lelaki digelar mamak dan kaum wanita pula dipanggil mami. Mereka ini berasal daripada perkahwinan campur antara pedagang-pedagang India dengan orang tempatan.

• Boria

Jika Melaka bangga dengan Dondang Sayang, Kelantan dengan Dikir Barat, Pulau Pinang pula mempunyai kesenian rakyat yang dipanggil Boria. Boria adalah sejenis persembahan nyanyian yang popular di Pulau Pinang. Persembahan Boria ini amat digemari oleh semua kaum.

Persembahan Boria terbahagi kepada dua bahagian. Pertama, adalah lakonbual. Isi perbualan berkisar pada tema tari dan nyanyian yang akan dipersembahkan



■



dalam lakonbual ini dan diselitkan dengan unsur-unsur lawak jenaka yang membawa mesej tertentu.

Setelah lakonan selesai, barulah kumpulan penyanyi boria muncul. Penyanyi ini diketuai oleh seorang tukang karang.

Tukang karang akan menyanyi dan menari sambil berpantun. Pantun-pantun yang dinyanyikan merupakan isi cerita dan mesej yang dibawa dari lakonbual sebelum itu. Setelah tukang karang selesai menyanyi bagi setiap rangkap, kumpulan penyanyi di belakangnya akan mengikut lagu tema itu sambil menari mengikut langkah yang tertentu.

Kumpulan Boria ini akan diiringi oleh penari-penari muzik yang menggunakan alat-alat yang berbunyi rancak seperti tambar, kerincing dan lain-lain. Ahli-ahli kumpulan ini juga berpakaian beraneka jenis dan berwarna-warni. Pada

hari ini, pantun-pantun Boria adalah tentang isu-isu semasa. Secara keseluruhan persembahan Boria adalah menghiburkan.

• Opera Cina

Seni opera ini merupakan persembahan yang berunsurkan kepercayaan agama masyarakat Cina. Opera ini dipentaskan apabila diadakan upacara memuja dan menyembah dewa. Pentas tempat persembahan upacara ini biasanya menghadap berhala atau patung dewa-dewa. Para pelakon opera ini akan memakai pakaian yang berwarna-warni dan bersolek tebal, mengikut watak-watak yang dilakonkan.



Opera Cina



• Permainan Cingge

Permainan Cingge ini biasanya diadakan secara berkumpulan oleh ahli-ahli kelab



atau persatuan Cingge Pulau Pinang. Permainan ini memperlihatkan kecekapan seseorang mengimbangi sesuatu benda yang tinggi yang diletakkan di atas bahu, tangan atau kepala mereka.

• **Makanan Istimewa**

Menyebut nama Pulau Pinang, semua rakyat Malaysia akan teringat kepada masakan istimewa di negeri ini. Nasi kandar adalah antara yang selalu menjadi sebutan. Nasi kandar sebenarnya adalah nasi biasa yang dimakan dengan lauk-lauk seperti ikan, udang, daging dan telur. Keistimewaan nasi kandar ini adalah kerana dimasak dan dijual oleh mamak Pulau Pinang.

Masakan mamak ini berbeza dengan masakan orang Melayu. Nasi ini dimasak dengan minyak kelapa, minyak sapi, garam, cengkih, daun pandan dan buah taria.

Pada mulanya nasi kandar mendapat nama kerana mamak yang menjual nasi dan lauk-pauk ini menggunakan dua buah bakul yang dikandar di atas bahunya. Kini nasi kandar boleh didapati di gerai-gerai merata tempat di sekitar Pulau Pinang.

Selain nasi kandar, makanan-makanan tradisional yang menjadi kegemaran orang ramai ialah laksa, pasembor, cendol dan lain-lain lagi. Makanan-makanan ini boleh didapati di gerai-gerai atau warung penjaja. Menjadi satu identiti bagi negeri Pulau Pinang kerana makanan-makanan penjaja di negeri ini adalah sangat popular bukan kerana rasa yang enak tetapi juga harga yang murah.

Makanan istimewa yang terdapat di negeri ini boleh didapati dengan banyaknya di merata-rata kawasan terutamanya di sepanjang Persiaran Gurney, Jalan Cantoment, Jalan Burmah dan juga di persekitaran Kuil Kek Lok Si di Air Itam.





• Pesta Pulau Pinang


Pesta Pulau Pinang juga telah menjadi satu ciri budaya negeri Pulau Pinang. Pesta ini akan disambut setiap tahun

pada bulan Disember. Berbagai-bagai acara kebudayaan yang diadakan sempena menyambut pesta tahunan ini. Antara acara-acara itu ialah sukan laut, permainan Cingge, tarian Singa, tarian tradisional Melayu dan Peraduan Ratu Pesta Pulau Pinang.

Acara sukan laut adalah yang paling menarik. Kerana terdapat perlumbaan perahu atau bot naga. Perahu atau bot naga ini boleh memuatkan 10 hingga 15 orang pendayung. Bot ini dihias seperti seekor naga yang seolah-olah bersedia untuk berperang. Mereka akan menggunakan seluruh tenaga untuk mencapai kemenangan dalam peraduan ini.

• Beca Pulau Pinang

Beca Pulau Pinang berbeza dengan beca negeri Melaka. Beca Melaka menempatkan tempat duduk penumpang di sisi mereka, sedangkan beca Pulau Pinang pula dikayuh dari belakang dan penumpang duduk di hadapan. Kebanyakan beca dinaiki oleh para pelancong yang inginkan suasana santai sambil menikmati pemandangan di sekitar bandar dengan tenang. Walaupun masih ada orang tempatan yang menggunakan beca sebagai kenderaan awam tetapi jumlahnya semakin berkurangan kerana kenderaan bermotor seperti bas dan teksi memberi perkhidmatan yang lebih cepat dan murah. Walau bagaimanapun beca Pulau Pinang dikekalkan untuk tujuan pelancongan.



Pulau Pinang atau dikenali juga sebagai *Pearl of the Orient* memang terkemuka di rantau Asia Tenggara. Pada hari ini Pulau Pinang

Kesimpulan





merupakan salah sebuah negeri di Malaysia yang pesat membangun dalam sektor perindustrian.

Pulau Pinang dari segi pembangunan adalah jauh lebih maju daripada negeri-negeri lain di Malaysia. Pendapatan perkapitanya adalah yang ketiga tertinggi selepas negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Satu lagi keistimewaan yang terdapat di pulau ini ialah keindahan pantai yang putih berseri. Ini merupakan faktor utama yang menarik hati pelancong terutamanya dari luar negara untuk dijadikan tempat perkelahan, mandi-manda, menenangkan fikiran, mencari ilham untuk berkarya dan lain-lain kegiatan rekreasi.

Pulau Pinang adalah negeri pelancongan dan perdagangan. Rakyat Pulau Pinang khususnya dan rakyat Malaysia umumnya harus berasa bangga terhadap kejayaan yang telah dicapai oleh Pulau



Pantai Batu Ferringgi

Mutiara ini. Pulau Pinang menjadi kemegahan bangsa dan negara Malaysia yang tercinta.

